

Kematian melibatkan motosikal masih tinggi

SHAH ALAM - Pelaksanaan perkhidmatan Gojek di negara ini tidak sesuai, kata Ketua Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Law Teik Hua.

Beliau berkata, antara sebabnya ialah perkhidmatan terbabit bertentangan dengan polisi nasional berkaitan isu keselamatan jalan raya.

“Kalau dilihat balik, 60 peratus kematian melibatkan pengguna mo-

tosikal. Jadi saya fikir ia akan menarik lebih ramai pengguna motosikal yang akhirnya angka kematian di jalan raya semakin meningkat,” katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Teik Hua berkata, kerajaan sewajarnya menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam lain.

“Jika Gojek dilaksanakan, kita macam menentang polisi pengangkutan awam. Saya fikir Gojek bukan satu kaedah yang terbaik,” katanya.